



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**(Human Resources Development Berhad)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

28 Ogos 2002

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 12/2002**  
**SKIM SUBSIDI LATIHAN BAGI MAJIKAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini ialah untuk menerangkan dengan lebih jelas maksud Pekeling Majikan Bil. 22/2001 berhubung dengan pendekatan pemberian subsidi latihan yang berasaskan RM2.00 subsidi latihan bagi setiap RM1.00 levi Pembangunan Sumber Manusia yang dibelanjakan untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Majikan yang layak untuk mendapatkan subsidi latihan ialah majikan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan yang mempunyai pekerja antara 10-49 orang dengan modal berbayar kurang dari RM2.5 juta.
- 2.2 Terdapat beberapa orang majikan telah membuat pertanyaan mengenai takrif pemberian subsidi latihan RM2.00 subsidi latihan bagi setiap RM1.00 levi yang dibelanjakan untuk latihan seperti yang dinyatakan di para 4.2 dalam Pekeling Majikan Bil 22/2001.
- 2.3 Lanjutan daripada pertanyaan-pertanyaan tersebut, maka pekeling ini dikeluarkan untuk memperjelaskan maksud pemberian subsidi tersebut.

**3. PENJELASAN MAKSUD PEKELILING BIL 22/2001 BERHUBUNG PERLAKSANAAN SKIM SUBSIDI LATIHAN MENGIKUT PENDEKATAN YANG BARU**

- 3.1 Pendekatan baru dalam pemberian subsidi latihan adalah berasaskan kepada RM2.00 subsidi latihan bagi setiap RM1.00 levi Pembangunan Sumber Manusia yang dibelanjakan untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja. Dalam konteks ini, aktiviti untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja adalah meliputi pelbagai skim latihan yang terdapat di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia bagi tujuan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja.

- 3.2 Oleh yang demikian, selain skim-skim berbentuk latihan seperti SBL, PROLUS, PERLA, PLT dan Perantisan Pemberian subsidi tersebut turut meliputi skim-skim lain seperti Pembelian Peralatan dan Ubahsuai Bilik Latihan, Pembelian Komputer dan Computer Based Training.
- 3.3 Pemberian subsidi tersebut akan dikreditkan ke akaun caruman levi majikan pada bulan yang berikutnya setelah tuntutan perbelanjaan untuk tujuan latihan diterima dan selesai diproses.

#### **4.0 TARIKH KUATKUASA**

- 4.1 Pekeliling mengenai perjelasan peraturan pembayaran subsidi latihan bagi majikan perusahaan kecil dan sederhana ini berkuatkuasa serta merta sehingga 1 Ogos 2006.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"**  
**"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"**

Yang ikhlas,

**(DATUK YAU DE PIYAU)**  
Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

